



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

**KERATAN AKHBAR
DAN
BERITA ONLINE
UNTUK MAKLUMAN :**

**Y.B. MENTERI
Y.B. TIMBALAN MENTERI
Y.BHG. KSU
Y.BHG. TKSU (PDN)
Y.BHG. TKSU (PPP)
SETIAUSAHA AKHBAR**

7 OGOS 2023 (ISNIN)



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR (KPDN)

7 OGOS 2023 (ISNIN)

Kajian Inisiatif Payung Rahmah akan dilaksanakan

Kerjasama kementerian, IPTA kenal pasti impak program

Oleh Noor Atiqah Sulaiman
nooratiqah.sulaiman@bh.com.my

Bangi: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup akan bekerjasama dengan institusi pendidikan tinggi awam (IPTA) bagi melaksanakan kajian kesan Inisiatif Payung Rahmah.

Pemangku Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Datuk Armizan Mohd Ali, berkata institusi itu mempunyai kepakaran yang secara tidak langsung mampu membantu mengadakan kajian lapangan

serta mendapatkan maklum balas daripada ahli perniagaan mengenai Inisiatif Payung Rahmah.

Katanya, pelaksanaan kajian kesan itu boleh dianggap seperti serampang dua mata, iaitu untuk melihat keberkesanan program yang dijalankan serta memastikan keselamatan dan kelestarian inisiatif program berkenaan.

"Kita sudah memutuskan pada (mesyuarat) pasca-Kabinet lalu untuk mengadakan perolehan serta menjemput pihak tertentu untuk kemuka cadangan, kajian yang mereka lakukan dalam masa terdekat.

"Tindakan ini dapat memastikan kita mampu melantik pihak yang berkepakaran untuk memberikan input, seterusnya membolehkan kita berge-

rak ke hadapan," katanya selepas menghadiri Program Jelajah Jualan Ehsan RAHMAH peringkat Selangor, di sini, semalam.

Capat objektif meluas

Armizan berkata, pandangan yang diberikan semua pihak, terutama usahawan sangat penting, sekali gus membantu pihaknya menambah baik program terabit.

"Selain itu, kita juga akan melihat apa inisiatif yang boleh diberikan

kepada komuniti peniaga ini yang sanggup bantu kerajaan dalam agenda ini.

"Kajian impak ini juga dapat memastikan kita mampu menggerakkan program ini secara berterusan, mampan serta mampu mencapai objektif dengan lebih meluas," katanya.



Armizan Mohd Ali

Program Jualan Ehsan Rahmah turut bantu 266,117 orang Selangor

2.1 juta rakyat dapat manfaat

Oleh NUR FATIN ZAHRA

BANGI – Program Jualan Ehsan Rahmah (JER) yang dilaksanakan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) telah memberi manfaat kepada hampir 2.1 juta penduduk dengan nilai jualan sebanyak RM57 juta di seluruh negara.

Menurut Pemangku Menteri KPDN, Datuk Armizan Mohd. Ali, program tersebut juga telah memberi manfaat kepada 266,117 orang Selangor dengan nilai jualan sebanyak RM12.6 juta.

“Program Jualan Rahmah yang dilaksanakan sejak 11 Januari lalu melibatkan 222 kawasan Parlimen di seluruh negara dengan memberi fokus di kawasan penempatan rakyat kumpulan B40.

“Program ini dilaksanakan melalui kerjasama strategik antara kerajaan bersama pemain industri dan peniaga tempatan dengan kadar diskaun yang ditawarkan adalah melalui perkongsian yang ditanggung oleh kedua-dua pihak,” katanya ketika ditemui di Program Jelajah Jualan Ehsan Rahmah (JER) Peringkat Selangor di Kompleks PKNS Bangi, di sini semalam.

Ujarnya, Program JER merupakan kerjasama antara KPDN dan Kerajaan Negeri Selangor melalui Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS).

“Program Jelajah Jualan Rahmah merupakan satu usaha kerajaan di bawah Inisiatif Payung



ARMIZAN (kiri) ketika mengadakan sesi *walkabout* di sekitar Program Jelajah JER Peringkat Selangor di Kompleks PKNS, Bandar Baru Bangi semalam. – M. FIRDAUS M. JOHARI

Rahmah yang menawarkan penjimatan harga antara 10 hingga 30 peratus bagi jualan barangan keperluan harian berbanding harga pasaran.

“Program ini bukan hanya berkaitan pemberian subsidi kerajaan untuk potongan harga barangan tetapi turut membuktikan komitmen kerajaan untuk meneruskan usaha di bawah Payung Rahmah,” katanya.

Ujarnya, Perdana Menteri juga telah mengumumkan peruntukan tambahan RM50 juta bagi tujuan

perluasan pelaksanaan Program Jualan Rahmah ke setiap Dewan Undangan Negeri (DUN) melalui tiga model iaitu kaedah di dalam premis, luar premis dan terkini, secara Jualan Rahmah Bergerak.

“Saya difahamkan, Jualan Rahmah di Selangor dijalankan hampir setiap hari di beberapa daerah. Dengan penambahan peruntukan di peringkat Persekutuan, kami pasti akan dapat menambah lagi kekerapan Jualan Rahmah di negeri ini.

“Sasaran utama kerajaan ialah

rakyat khususnya golongan B40. Namun, Jualan Rahmah juga menyediakan platform untuk komuniti peniaga turut menyumbang di bawah inisiatif Payung Rahmah yang diasaskan oleh Mantan Menteri KPDN, Allahyarham Datuk Seri Salahuddin Ayub,” katanya.

Tambahnya, KPDN bakal melaksanakan Kajian Impak Program Payung Rahmah bagi melihat keberkesanan dan kemampuan program tersebut bagi memastikan ia dapat memberi kesan positif kepada rakyat.

Ensuring the sustainability of Rahmah initiative

Impact study will be carried out by KPDM in collaboration with IPTAs

BANGI: An impact study on the Payung Rahmah initiative will be carried out to ensure the programmes have a positive effect on the people.

It will be conducted by Domestic Trade and Cost of Living Ministry (KPDM) in collaboration with public institutions of higher learning (IPTAs).

Minister in the Prime Minister's Department (Sabah, Sarawak Affairs and Special Functions) Datuk Armizan Mohd Ali said the study will also focus on finding ways to ensure the sustainability and long-term viability of the initiative, implemented since January.

"Based on our recent discussions, there is a chance we might team up, possibly with specific IPTAs. They have experts who could join us in conducting field studies while gathering input from the business community, which is crucial.

"We will pay attention to the insights and input from the business community to enhance their participation, as they are integral members of our society and eager to contribute.

"However, we need to consider what incentives can be provided to those willing to assist the government in this agenda," he told reporters during the Selangor-level Ehsan Rahmah Sales Tour programme

"We will pay attention to the insights and input from the business community."

Datuk Armizan Mohd Ali

here yesterday.

Armizan said the impact study would help the ministry in devising strategies for the continuous and sustainable implementation of the Payung Rahmah initiative, thus achieving its goals within a broader framework, Bernama reported.

"This is a good initiative and we plan to keep it going. We are now looking at how to involve more parties," he added.

Armizan has been tasked with monitoring the affairs of the ministry following the death of its minister Datuk Seri Salahuddin Ayub last month. Commenting on the Ehsan Rahmah Sales Programme, Armizan said a total of 2.1 million visitors and RM57mil in sales were recorded during the first seven months of its implementation.

Tumpat: Selepas melarikan diri dengan memandu sejauh 30 kilometer (km), seorang lelaki dipercayai penyeludup akhirnya menyerah diri kerana tidak mampu mengelak daripada pihak berkuasa.

Suspek berusia 24 tahun itu ditahan sepasukan pegawai dan anggota penguat kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) di Jalan Pasir Pekan di sini, kira-kira jam 5 petang kelmarin.

Pengarah KPDN Kelantan, Azman Ismail berkata, pihaknya mengesan sebuah kereta Proton Wira Aeroback dalam keadaan mencurigakan ketika menjalankan penugasan bersama Pasukan Polis Marin (PPM) Wilayah Tiga Pengkalan Kubor.

Menurutnya, kenderaan terbabit pada mulanya di kesan di Bachok dan dipercayai membawa diesel untuk tujuan penyelewengan.

"Kenderaan itu kemudian memasuki Kota Bharu dan berlegar-legar di bandar ini serta membuat pe-



SEBANYAK 800 liter diesel yang diisi dalam tong plastik dianggarkan bernilai RM1,720 ditemukan dalam kereta jenis Proton Wira Aeroback yang dirampas di jalan Pasir Pekan.

Penyeludup serah diri selepas 'letih' pecut kereta

ngisian diesel secara berulang di beberapa stesen minyak.

"Kami mengekorinya dan sebaik menyedari kehadiran pihak berkuasa, lelaki itu memecut keretanya menghala ke Tumpat melalui Jalan Pasir Pekan.

"Bagaimanapun, pemandu itu akhirnya menghentikan keretanya dan menyerahkan diri kepada pihak berkuasa," katanya dalam kenyataan, semalam.

Menurutnya, pemeriksaan lanjut dalam kenderaan itu menemui sebanyak 800

liter diesel dalam beberapa tong plastik di bahagian penumpang belakang serta bonet.

Katanya, nilai keseluruhan rampasan termasuk kereta dianggarkan RM11,720 dan kes disiasat mengikut Akta Kawalan Bekalan 1961.

Penat diekori 50km, penyeludup serah diri

TUMPAT - Seorang penyeludup menyerah diri dengan memberhentikan kenderaannya setelah penat diekori penguat kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Kelantan sejauh 50 kilometer (km) pada Sabtu.

Dalam kejadian jam 5 petang itu, lelaki berusia 24 tahun terbabit diekori bermula dari Bachok ke Kota Bharu sehingga Pasir Pekan, Tumpat.

Pengarah KPDN Kelantan, Azman Ismail berkata, pihaknya mengesan sebuah kereta jenis Proton Wira Aeroback dengan nombor pendaftaran tempatan yang disyaki membawa minyak diesel dipercayai akan diseludup.

"Sebelum itu suspek dikesan dalam keadaan mencurigakan berlegar-legar di jalan raya sekitar Kota Bharu. Dia juga mengisi minyak diesel secara berulang di beberapa stesen minyak," katanya ketika dihubungi pada Ahad.

Menurutnya, anggota penguat kuasa mengekori suspek dan apabila menyedari diekori lelaki terbabit dalam keadaan cemas memcut kenderaan menghala ke Tumpat melalui Jambatan Sultan Yahya Petra - Pasir Pekan.

Katanya, suspek yang merupakan warga tempatan memberhentikan kenderaannya setelah penat diekori.

Azman berkata, pemeriksaan lanjut ke atas kenderaan itu menemui 800 liter minyak diesel di dalam tong-tong jerikin dengan nilai rampasan dianggarkan bernilai RM1,720.



Seorang penyeludup minyak diesel menyerah diri selepas diekori penguat kuasa KPDN Kelantan sejauh 50km pada Sabtu.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

BERITA ONLINE (KPDN)

7 OGOS 2023 (ISNIN)

BERITA ONLINE BERTARIKH 7 OGOS 2023

TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
7-Aug	Kajian impak Inisiatif Payung Rahmah serampang dua mata	https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2023/08/1136592/kajian-impak-inisiatif-payung-rahmah-serampang-dua-mata	BH
7-Aug	KPDN jalin kerjasama dengan IPTA laksana kajian impak inisiatif Payung Rahmah	https://www.utusanborneo.com.my/2023/08/06/kpdn-jalin-kerjasama-dengan-ipta-laksana-kajian-impak-inisiatif-payung-rahmah	UMBORNEO
7-Aug	Kajian impak pelaksanaan Payung Rahmah diadakan dalam masa terdekat	https://berita.rtm.gov.my/index.php/semasa/68787-kajian-impak-pelaksanaan-payung-rahmah-diadakan-dalam-masa-terdekat	BERITARTM
7-Aug	Kajian impak pastikan kelestarian Payung Rahmah	https://www.google.com/amp/s/www.astroawani.com/berita-malaysia/kajian-impak-pastikan-kelestarian-payung-rahmah-	ASTROAWANI
7-Aug	Ministry Continues To Ensure Continuity Of Payung Rahmah Initiative: Armizan	https://www.businesstoday.com.my/2023/08/06/ministry-continues-to-ensure-continuity-of-payung-rahmah-initiative-armizan/	BUSINESSTODAY
7-Aug	'Happy Hour' JER tawar harga barang serendah RM5	https://www.buletintv3.my/nasional/happy-hour-jer-tawar-harga-barang-serendah-rm5/	BULETINTV3
7-Aug	266,117 rakyat Selangor peroleh manfaat dari Program Jualan Rahmah	https://www.kosmo.com.my/2023/08/06/266117-rakyat-selangor-peroleh-manfaat-dari-program-jualan-rahmah/	KOSMO
7-Aug	Penyeludup diesel serah diri, penat diekori 50 km	https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/272231	SH
7-Aug	Penyeludup serah diri selepas 'penat' pecut kereta	https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/08/996220/penyeludup-serah-diri-selepas-penat-pecut-kereta	HM

7-Aug	KPDN Perlis patahkan cubaan seludup diesel	https://www.utusan.com.my/nasional/2023/08/kpdn-perlis-patahkan-cubaan-seludup-diesel/	UM
7-Aug	KPDN, IPTA to collaborate for Payung Rahmah initiative impact study	https://www.thesundaily.my/local/kpdn-ipta-to-collaborate-for-payung-rahmah-initiative-impact-study-PA11331385	THESUNDAILY
7-Aug	KPDN jalin kerjasama dengan IPTA laksana kajian impak inisiatif Payung Rahmah	https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2213612	BERNAMA
7-Aug	KPDN, IPTA to collaborate for Payung Rahmah initiative impact study	https://bernama.com/en/general/news.php?id=2213646	BERNAMA
7-Aug	Domestic Trade and Cost of Living Ministry, higher learning public institutions to collaborate for Payung Rahmah initiative impact study	https://www.google.com/amp/s/www.sinardaily.my/ampArticle/203654	SHDAILY
7-Aug	Jual minyak masak subsidi online, KKD bincang KPDN	https://www.utusan.com.my/terkini/2023/08/jual-minyak-masak-subsidi-online-kkd-bincang-kpdn/	UM
7-Aug	Jual minyak masak subsidi dalam talian, KKD bincang dengan KPDN	https://www.kosmo.com.my/2023/08/06/jual-minyak-masak-subsidi-dalam-talian-kkd-bincang-dengan-kpdn/	KOSMO
7-Aug	KKD & KPDN bincang, tangani isu penjualan minyak masak dalam talian	https://www.buletintv3.my/nasional/kkd-kpdn-bincang-tangani-isu-penjualan-minyak-masak-dalam-talian/	BULETINTV3
7-Aug	Jual minyak masak bersubsidi dalam talian, langgar peraturan	https://berita.rtm.gov.my/~berita/index.php/semasa/68800-jual-minyak-masak-bersubsidi-dalam-talian-langgar-peraturan	BERITARTM